Vessel Arrivals at Penang Port 2011 - 2018

SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG (TELUK EWA)

Penang Port Commission (Teluk Ewa)

Pengenalan

- Melalui satu Perintah Menteri, SPPP telah dilantik sebagai Pihak Berkuasa Pelabuhan dan juga Badan Kawal Selia bagi Jeti Teluk Ewa di Langkawi mulai 1 Januari 1999.
- Jeti Teluk Ewa mula dibina pada tahun 1982 dan beroperasi mulai tahun 1984.
- Pada tahun 1993, sebuah jeti tambahan sepanjang 157 meter telah dibina berikutan permintaan yang semakin meningkat.
- Sejak penswastaan operasi Jeti Teluk Ewa pada 1 Januari 1999, Jeti Teluk Ewa digunakan untuk mengangkut bahan-bahan mentah serta alat-alat ganti untuk kilang simen di Teluk Ewa di samping pengeksportan simen.

Fungsi

- Pelabuhan Pulau Pinang (Teluk Ewa) berfungsi sebagai:
  a) Pihak Berkuasa Pelabuhan
  b) Badan Kawal Selia
  c) Pusat Sumber Pelabuhan
  d) Fasilitator Perdagangan

INTRODUCTION

- *Through a Ministerial Order, PPC was appointed as the Port Authority and Regulatory Authority for Teluk Ewa Jetty in Langkawi effective 1 January 1999.*
- *Teluk Ewa Jetty was built in 1982 and commenced operations in 1984.*
- *In 1993, a 157-meter additional jetty was built due to increasing demand.*
- *Since the privatisation of the Teluk Ewa Jetty operations on 1 January 1999, the jetty has been used for transportation of raw materials and spare parts for the cement plant in Teluk Ewa as well as for the export of cement.*

Function

- *Penang Port (Teluk Ewa) acts as :*
  a) Port Authority
  b) Regulatory Authority
  c) Port Resource Centre
  d) Trade Facilitator

JAWATANKUASA-JAWATANKUASA KECIL LEMBAGA (TELUK EWA) 2018
Sub-Committees of the Board (Teluk Ewa) 2018

JAWATANKUASA KEWANGAN / *FINANCE COMMITTEE*

Ketua Setiausaha, Kementerian Kewangan / Wakil *Secretary-General, Ministry of Finance / Representative*	**Pengerusi** / *Chairman*
Y.Bhg. Dato' Chen Liau Weng **(sehingga 6 Mei 2018)** (*until 6 May 2018*)	**Timb. Pengerusi** / *Deputy Chairman*
Pengurus Besar, Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang *General Manager, Penang Port Commission* **(sehingga 7 Oktober 2018)** / (*until 7 October 2018*)	**Ahli** / *Member*
Ketua Setiausaha, Kementerian Pengangkutan / Wakil *Secretary-General, Ministry of Transport / Representative*	**Ahli** / *Member*
Y. Bhg. Dato' Goh Chin Cheung **(sehingga 15 Jun 2018)** (*until 15 June 2018*)	**Ahli** / *Member*

JAWATANKUASA PERANCANGAN / *PLANNING COMMITTEE*

Pengerusi, Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang *Chairman, Penang Port Commission* **(sehingga 28 Mei 2018)** / (*until 28 May 2018*)	**Pengerusi** / *Chairman*
Y.Bhg. Dato' Chen Liau Weng **(sehingga 6 Mei 2018)** (*until 6 May 2018*)	**Timb. Pengerusi** / *Deputy Chairman*
Pengurus Besar, Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang *General Manager, Penang Port Commission* **(sehingga 7 Oktober 2018)** / (*until 7 October 2018*)	**Ahli** / *Member*
Ketua Setiausaha Negara / Wakil *Chief Secretary to the Government / Representative*	**Ahli** / *Member*
Ketua Setiausaha, Kementerian Kewangan / Wakil *Secretary-General, Ministry of Finance / Representative*	**Ahli** / *Member*
Ketua Setiausaha, Kementerian Pengangkutan *Secretary-General, Ministry of Transport*	**Ahli** / *Member*

JAWATANKUASA-JAWATANKUASA KECIL LEMBAGA 2018 (samb.)
Sub-Committees of the Board 2018 (cont.)

LEMBAGA PEROLEHAN 'A' / *PROCUREMENT BOARD 'A'*

Pengerusi, Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang *Chairman, Penang Port Commission* **(sehingga 28 Mei 2018)** / *(until 28 May 2018)*	**Pengerusi** / *Chairman*
Pengurus Besar, Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang *General Manager, Penang Port Commission* **(sehingga 7 Oktober 2018)** / *(until 7 October 2018)*	**Pengerusi Ganti** *Alternate Chairman*
Wakil Ketua Setiausaha Perbendaharaan *Representative of the Secretary-General, Treasury*	**Ahli** / *Member*
Wakil Ketua Pengarah, Jabatan Kerja Raya *Representative of the Director-General, Public Works Department*	**Ahli** / *Member*
Wakil Kementerian Pengangkutan Malaysia *Representative of the Ministry of Transport*	**Ahli** / *Member*
Seorang Pegawai Awam Dari Agensi Lain (Kumpulan Pengurusan dan Profesional) *A Government Officer From Other Agencies (Management and Professional Group)*	**Ahli** / *Member*

LEMBAGA PEROLEHAN 'B' / *PROCUREMENT BOARD 'B'*

Pengurus Besar, Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang *General Manager, Penang Port Commission* **(sehingga 7 Oktober 2018)** / *(until 7 October 2018)*	**Pengerusi** / *Chairman*
Seorang Pengurus Kanan, Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang *A Senior Manager, Penang Port Commission*	**Pengerusi Ganti** / *Alternate Chairman*
Wakil Kementerian Pengangkutan Malaysia *Representative of the Ministry of Transport*	**Ahli** / *Member*
Wakil Ketua Pengarah, Jabatan Kerja Raya *Representative of the Director-General, Public Works Department*	**Ahli** / *Member*
Seorang Pegawai Awam Dari Agensi Lain (Kumpulan Pengurusan dan Profesional) *A Government Officer From Other Agencies (Management and Professional Group)*	**Ahli** / *Member*

JAWATANKUASA AUDIT / *AUDIT COMMITTEE*

Ketua Setiausaha Negara *Chief Secretary to the Government* **(sehingga 1 Julai 2018)** / *(until 1 July 2018)*	**Pengerusi** / *Chairman*
Y. Bhg. Dato' Ooi Eyan Hian **(sehingga 15 Jun 2018)** *(until 15 June 2018)*	**Timb. Pengerusi** / *Deputy Chairman*
Ketua Setiausaha, Kementerian Pengangkutan / Wakil *Secretary-General, Ministry of Transport / Representative*	**Ahli** / *Member*
Ketua Setiausaha, Kementerian Kewangan / Wakil *Secretary-General, Ministry of Finance / Representative*	**Ahli** / *Member*
Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah *Kedah State Secretary*	**Ahli** / *Member*

KEHADIRAN AHLI-AHLI LEMBAGA DI MESYUARAT-MESYUARAT LEMBAGA SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG (TELUK EWA) 2018

Board Of Directors Attendance In Penang Port Commission (Teluk Ewa) Board Meetings 2018

Mesyuarat Lembaga Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Teluk Ewa) telah diadakan sebanyak dua kali sepanjang tahun 2018. Senarai kehadiran Ahli-ahli Lembaga SPPP (Teluk Ewa) adalah seperti berikut :

Penang Port Commission (Teluk Ewa) Board Meetings were held twice throughout 2018. The attendance of the PPC's Board of Directors is as follows :

NAMA / ***NAME***	**KEHADIRAN** / ***ATTENDANCE***
Y. Bhg. Datuk Tan Teik Cheng **Pengerusi SPPP** / *PPC Chairman*	1/2
Y. Bhg. Tan Sri Dr. Ali bin Hamsa **Ketua Setiausaha Negara** / *Chief Secretary to the Government*	2/2
Encik Siva Sangar a/l Krishnan **Mewakili Ketua Setiausaha, Kementerian Pengangkutan** / *Representing the Secretary-General, Ministry of Transport*	1/2
Encik Zairi bin Mat Ali **Wakil Ketua Setiausaha, Kementerian Kewangan** / *Representing the Secretary-General, Ministry of Finance*	1/2
Y.B. Dato' Paduka Haji Bakar bin Din **Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah** / *Kedah State Secretary*	1/2
Y.Bhg. Dato' Chen Liau Weng	2/2
Y.Bhg. Dato' Ooi Eyan Hian	2/2
Encik Goh Chin Cheung	2/2
Tuan Haji Mohamad Puzi bin Mohamad Nazir **Pengurus Besar SPPP** / *PPC General Manager*	2/2

PERUTUSAN PENGERUSI
Chairman's Message

Lembaga Pengarah Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Teluk Ewa) dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Teluk Ewa) dan Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2018.

Prestasi

Pada tahun 2018, sebanyak 2.727 juta tan kargo dikendalikan di Jeti Teluk Ewa iaitu menurun sebanyak 5.08 peratus berbanding 2.873 juta tan pada tahun 2017. Penurunan ini adalah disebabkan eksport simen yang turut menurun. Sebanyak 317 buah kapal singgah di Jeti Teluk Ewa dalam tahun 2018 dengan jumlah Gross Registered Tonnage (GRT) sebanyak 2.138 juta tan.

Prospek

Berdasarkan kepada keadaan ekonomi global yang masih perlahan, adalah dijangkakan bahawa prestasi kendalian akan menunjukkan peningkatan sebanyak satu peratus pada tahun 2019.

Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada Ahli-Ahli Lembaga SPPP (Teluk Ewa), Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri, pihak operator pelabuhan iaitu Kedah Cement Jetty Sdn. Bhd., agensi-agensi Kerajaan dan sektor swasta yang telah bekerja keras serta memberi sumbangan yang tidak ternilai di dalam memajukan Jeti Teluk Ewa.

The Penang Port Commission (Teluk Ewa) Board of Directors is pleased to present Penang Port Commission (Teluk Ewa) Annual Report and Financial Statement for the year ending 31 December 2018.

Performance

In 2018, cargo handlings at Penang Port were 2.727 million tonnes which is a decline of 5.08 percent compared to 2.873 million tonnes in 2017. This was due to a drop in the export of cement. A total of 317 ships called at the Teluk Ewa Jetty in 2018 with a total Gross Registered Tonnage (GRT) of 2.138 million tonnes.

Prospects

Based on the current slow global economic situation, the port's handling performance is expected to show an increase of one percent in 2019.

Acknowledgement

Deepest appreciation to the PPC (Teluk Ewa) Board of Directors, Federal and State Government, port operator, which is Kedah Cement Jetty Sdn. Bhd., government agencies and the private sector for their hard work and contribution towards the progress of Teluk Ewa Jetty.

LAPORAN PENGURUS BESAR
General Manager's Report

PRESTASI JETI TELUK EWA 2018

Kendalian Kargo

Pada tahun 2018, sejumlah 2.727 juta tan kargo dikendalikan di Jeti Teluk Ewa. Jumlah kendalian tersebut memperlihatkan penurunan sebanyak 5.08 peratus berbanding 2.873 juta tan pada tahun 2017.

- Kendalian utama Jeti Teluk Ewa ialah kargo pukal kering dan komoditi utama yang dikendalikan ialah simen, *clinker*, arang batu, gipsum, pet coke, bijih timah, anhydrite dan pasir.
- Kendalian kargo import di Jeti Teluk Ewa pada tahun yang direkodkan ialah 450,551 tan, turun 15.70 peratus berbanding 534,519 tan pada tahun 2017.
- Kendalian kargo eksport menurun 2.61 peratus kepada 2.277 juta tan pada tahun semasa berbanding 2.338 juta tan pada tahun 2017.

Perkapalan

Sejumlah 317 buah kapal singgah di Jeti Teluk Ewa dalam tahun 2018, susut sebanyak 5.65 peratus berbanding 336 buah kapal dalam tahun 2017. Jumlah Gross Registered Tonnage (GRT) pada tahun 2018 pula ialah sebanyak 2.137 juta tan, menurun 6.11 peratus berbanding 2.276 juta tan dalam tahun 2017.

Prospek

Pemulihan ekonomi global dijangka perlahan pada tahun 2019. Jumlah kendalian di Jeti Teluk Ewa dijangka akan memperolehi peningkatan kendalian sebanyak satu peratus pada tahun 2019.

TELUK EWA JETTY'S PERFORMANCE 2018

Cargo Handling

In 2018, a total of 2.727 million tonnes of cargo were handled at Teluk Ewa Jetty. The total volume handled shows a decline of 5.08 percent from 2.873 million tonnes in 2017.

- *Teluk Ewa Jetty's major handling is dry bulk cargo and the main commodities are cement, clinker, coal, gypsum, pet coke, tin ore, anhydrite and sand.*
- *The import cargo handled at Teluk Ewa Jetty was recorded as 450,551 tonnes in 2018, a drop of 15.70 percent compared to 534,519 tonnes in 2017.*
- *The export cargo handling declined by 2.61 percent to 2.277 million tonnes in the current year compared to 2.338 million tonnes in 2017.*

Vessel Arrival

A total of 317 ships called at Teluk Ewa Jetty in 2018, a drop of 5.65 percent compared to 336 ships in 2017. The total Gross Registered Tonnage (GRT) in 2018 was 2.137 million tonnes, a decline of 6.11 percent from 2.276 million tonnes in 2017.

Prospect

The global economic recovery is expected to remain slow in 2019. The total handling at the Teluk Ewa Jetty is expected to see an increase of one percent in 2019.

Teluk Ewa Jetty's Performance 2018

Prestasi Kewangan

Jumlah pendapatan SPPP (Teluk Ewa) sehingga 31 Disember 2018 adalah sebanyak RM5,240,761 iaitu telah meningkat sebanyak RM80,625 iaitu 1.56 peratus berbanding 31 Disember 2017 sebanyak RM5,160,136. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh peningkatan keuntungan atas simpanan tetap pada tahun 2018.

Jumlah perbelanjaan sehingga 31 Disember 2018 adalah sebanyak RM3,337,101 iaitu telah menurun 20.24 peratus (RM846,920) berbanding 31 Disember 2017 sebanyak RM4,184,021. Penurunan ini adalah disebabkan oleh pada tahun 2018, SPPP tidak membuat sumbangan bagi pelaksanaan aktiviti Kementerian Pengangkutan Malaysia serta IMO berbanding tahun 2017. Penurunan ini juga disebabkan oleh penurunan perbelanjaan dan elaun lembaga pada tahun 2018.

SPPP (Teluk Ewa) memperoleh lebihan selepas cukai sebanyak RM1,013,890 iaitu penurunan sebanyak RM1,071,222 atau 51.37 peratus berbanding 31 Disember 2017 sebanyak RM2,085,112. Penurunan ini disebabkan oleh pelarasan cukai yang terlebih nyata pada tahun 2017.

Penghargaan

Pihak Pengurusan SPPP (Teluk Ewa) ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada semua pihak terutamanya Kerajaan Persekutuan serta Kedah Cement Jetty Sdn. Bhd. yang telah memberikan sokongan dan kerjasama dalam mempermudahkan pengurusan dan pentadbiran SPPP (Teluk Ewa).

Financial Performance

Total income for PPC (Teluk Ewa) recorded as of 31 December 2018 was RM5,240,761 which indicates an increase of RM80,625 which is 1.56 percent compared to RM5,160,136 as of 31 December 2017. This is due to the profit earned from fixed deposit in 2018.

The total expenditure recorded as of 31 December 2018 was RM3,337,101 with a drop of 20.24 percent (RM846,920) compared to RM4,184,021 as of 31 December 2017. This is because in 2018, PPC did not make a contribution for the Ministry of Transport and IMO activities in comparison to the contribution made in 2017. The decrease in expenses is also due to the reduction in expenses and board of directors' allowances in 2018.

PPC (Teluk Ewa) earned surplus after taxation of RM1,013,890 which is a drop of RM1,071,222 (51.37 percent) compared to RM2,085,112 recorded on 31 December 2017. The decline is due to the readjustment of overpaid tax in 2017.

Acknowledgement

The Management of PPC (Teluk Ewa) would like to convey its appreciation to all stakeholders especially the Federal Government and Kedah Cement Jetty Sdn. Bhd. for their support and cooperation in the management and administration of PPC (Teluk Ewa).

Kendalian Keseluruhan Kargo Jeti Teluk Ewa 2011 - 2018
Total Cargo Throughput Teluk Ewa Jetty 2011 - 2018

Kendalian Import/Eksport Jeti Teluk Ewa 2011 - 2018
Import / Eksport Handling Teluk Ewa Jetty 2011 - 2018

Jumlah Ketibaan Kapal Di Jeti Teluk Ewa 2011 - 2018
Vessel Arrivals at Teluk Ewa Jetty 2011 - 2018

Berat Kapal (GRT) di Jeti Teluk Ewa 2011 - 2018
GRT of Vessels at Teluk Ewa Jetty 2011 - 2018

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Penyata Kewangan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2018, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Amaun Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 6 hingga 26.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang pada 31 Disember 2018 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan Akta Suruhanjaya Pulau Pinang 1955 (Akta 140).

Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan Dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pengarah Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan Akta Suruhanjaya Pulau Pinang 1955 (Akta 140). Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang adalah bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* , saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan, kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang.

c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah.

d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.

e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang memberi gambaran yang saksama.

Saya telah berkomunikasi dengan Lembaga Pengarah, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Suruhanjaya Pulau Pinang 1955 (Akta 140), saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.

Hal-hal Lain

Laporan ini dibuat untuk Lembaga Pengarah dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.

(RAFTAH BINTI IBRAHIM)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

KEPALA BATAS
19 OGOS 2019

PENYATA PENGERUSI DAN LEMBAGA PENGARAH
STATEMENT BY CHAIRMAN AND THE BOARD OF DIRECTORS

Kami, JEFFREY CHEW GIM EAM dan PUAN MONALIZA BINTI SUHAIMI yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG, dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Amaun Sebenar yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG pada 31 Disember 2018 dan hasil kendaliannya dan perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

We, JEFFREY CHEW GIM EAM and MONALIZA BINTI SUHAIMI as Chairman and one of the Board of Directors of PENANG PORT COMMISSION respectively do hereby state that, in the opinion of the Board of Directors, the Financial Statement consisting of the accompanying Statement of Financial Position, Statement of Financial Performance, Statement of Change of Net Asset/Equity, Cash Flow Statement, and Statement of Comparison of Budget and Actual Amounts together with notes thereon are drawn up so as to give a true and fair view of the state of affairs of the PENANG PORT COMMISSION financial position as at 31 December 2018 and of the results of its operations and changes in its financial position for the year ended on that date.

Bagi pihak Lembaga
On behalf of the Board

.....

Nama / *Name* : JEFFREY CHEW GIM EAM

Gelaran / *Designation* : PENGERUSI / *CHAIRMAN*

Tarikh / *Date* : 24 APRIL 2019

Tempat / *Place* : PULAU PINANG / *PENANG*

Bagi pihak Lembaga
On behalf of the Board

.....

Nama / *Name* : MONALIZA BINTI SUHAIMI

Gelaran / *Designation* : AHLI LEMBAGA / *BOARD MEMBER*

Tarikh / *Date* : 24 APRIL 2019

Tempat / *Place* : PULAU PINANG / *PENANG*

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG

DECLARATION BY THE OFFICER PRIMARILY RESPONSIBLE FOR THE FINANCIAL MANAGEMENT OF PENANG PORT COMMISSION

Saya, MOHAMAD SAFRI BIN HALIM, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Amaun Sebenar yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun 1960.

I, MOHAMAD SAFRI BIN HALIM, the principal officer responsible for the financial management and accounts records of PENANG PORT COMMISSION, do solemnly and sincerely declare that the accompanying Statement of Financial Position, Statement of Financial Performance, Statement of Change of Net Asset/Equity, Cash Flow Statement, and Statement of Comparison of Budget and Actual Amounts together with notes therein, are, to the best of my knowledge and belief, accurate and I make this solemn declaration conscientiously believing the same to be true, and by virtue of the provisions of the Statutory Declaration Act 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya / *Subscribed and solemnly*)
)

diakui oleh penama di atas / *declared by the above named*)
)

di Pulau Pinang / *at Penang*)
)

pada hari bulan / *on this* 24 APR 2019)
)

(MOHAMAD SAFRI BIN HALIM)

Di hadapan saya

PESURUHJAYA SUMPAH
No. P157
Name: SHAMINI A/P M SHANMUGAM
1.7.2018 hingga 31.12.2020
MALAYSIA

NO. 67 BISHOP STREET
10200 PULAU PINANG

SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2018

PENANG PORT COMMISSION

STATEMENT OF FINANCIAL POSITION AS AT 31 DECEMBER 2018

	NOTA / *NOTES*	2018 RM	2017 RM (Dinyatakan Semula / *Restated*)
ASET / ***ASSETS***			
Aset Semasa / ***Current Assets***			
Tunai dan Kesetaraan Tunai / *Cash and Cash Equivalent*	4	84,751,712	75,794,422
Penghutang / *Receivables*	5	2,379,644	3,983,232
Pinjaman Kakitangan Jangka Pendek / *Short Term Staff Loan*	6	53,663	40,737
Deposit, Pendahuluan dan Prabayar / *Deposit, Advance and Prepayments*	7	245,212	2,810,119
Cukai Boleh Dituntut Semula / *Taxable Recoverable*	8	2,141,454	2,119,803
Jumlah Aset Semasa / ***Total Current Assets***		89,571,685	84,748,313
Aset Bukan Semasa / ***Non-Current Assets***			
Pinjaman Kakitangan Jangka Panjang / *Long Term Staff Loan*	6	237,381	175,218
Pelaburan Jangka Panjang / *Long Term Investment*	9	75,000	75,000
Hartanah Pelaburan / *Investment Property*	10	479,915	499,718
Hartanah, Loji dan Peralatan / *Property, Plant and Equipment*	11	172,368,029	173,866,624
Aset Tak Ketara / *Intangible Assets*	12	554,948	185,372
Kerja dalam Pelaksanaan / *Work In Progress*	13	-	105,368
Jumlah Aset Bukan Semasa / ***Total Non-Current Assets***		173,715,273	174,907,300
JUMLAH ASET / ***TOTAL ASSETS***		263,286,958	259,655,613
LIABILITI / ***LIABILITY***			
Liabiliti Semasa / ***Current Liabilities***			
Pelbagai Pemiutang / *Other Payables*	14	1,785,984	1,882,019
Jumlah Liabiliti Semasa / ***Total Current Liabilities***		1,785,984	1,882,019
Liabiliti Bukan Semasa / ***Non-Current Liabilities***			
Manfaat Pekerja / *Employee Benefits*	15	784,807	780,563
Geran Tertunda / *Deferred Grants*	16	80,732,545	82,397,908
Jumlah Liabiliti Bukan Semasa / ***Total Non-Current Liabilities***		81,517,352	83,178,471
JUMLAH LIABILITI / **TOTAL LIABILITIES**		83,303,336	85,060,490
ASET BERSIH / ***NET ASSETS***		179,983,622	174,595,123
ASET BERSIH / EKUITI / ***NET ASSETS / EQUITY***			
Lebihan Terkumpul / *Accumulated Surpluses*		179,983,622	174,595,123
JUMLAH ASET BERSIH / EKUITI / ***TOTAL NET ASSETS / EQUITY***		179,983,622	174,595,123

Penyata Kedudukan Kewangan di atas hendaklah dibaca bersama-sama dengan nota kepada penyata kewangan yang berkenaan.

The above Statement of Financial Position is to be read in conjunction with the notes to the financial statements.

SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG

PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

PENANG PORT COMMISSION

STATEMENT OF FINANCIAL PERFORMANCE FOR THE YEAR ENDED 31 DECEMBER 2018

	NOTA / *NOTES*	2018 RM	2017 RM (Dinyatakan Semula / *Restated*)
HASIL PENGURUSAN / *MANAGEMENT REVENUE*			
Sewa Pajakan / *Lease Rental*		10,790,665	10,780,000
Pendapatan Pelunasan Geran Kerajaan / *Amortisation Of Government Grant*	16	1,665,363	1,665,363
Pendapatan Pengurusan SPPP (Teluk Ewa) / *PPC (Teluk Ewa) Management Income*	17	2,500,000	2,500,000
Pelbagai Pendapatan / *Other Income*	18	8,218,990	7,257,090
Pendapatan Lesen / *License Fee*		150,000	100,000
		23,325,018	22,302,453
LAIN-LAIN HASIL / *OTHER REVENUE*			
Pendapatan Faedah / *Interest Income*		2,649,442	2,362,693
Dividen / *Dividend*		417,855	448,494
Lain-Lain Pendapatan / *Miscellaneous Income*		19,353	66,018
Keuntungan ke atas Nilai Saksama / *Gain on Fair Value*		47,993	-
Keuntungan dari Jualan Aset / *Gain from Sales of Assets*		3,499	-
		3,138,142	2,877,205
JUMLAH HASIL / *TOTAL REVENUE*		26,463,160	25,179,658
BELANJA MENGURUS / *OPERATING EXPENSES*			
Emolumen / *Emolument*	19	5,755,721	6,117,488
Perkhidmatan dan Bekalan / *Services And Supplies*	20	7,506,573	8,115,819
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap / *Grants And Fixed Charges*		14,500	29,280
Latihan dan Perbelanjaan Pembangunan Lain / *Training and Other Development Expenditure*		183,004	195,314
Perbelanjaan Mengurus Lain / *Other Expenses*		478,403	639,284
Susut Nilai Aset Bukan Semasa / *Depreciation of Non-current Assets*	21	5,852,568	5,972,095
Rosot Nilai Aset Bukan Semasa / *Impairment of Non-current Assets*	22	356,710	-
Perbelanjaan Lain / *Other Expenses*	23	105,750	3,568,891
JUMLAH BELANJA / TOTAL EXPENSES		20,253,229	24,638,171
LEBIHAN SEBELUM CUKAI / SURPLUS BEFORE TAXATION		6,209,931	541,487
Cukai / *Taxation*	24	(821,432)	1,730,352
LEBIHAN BERSIH BAGI TAHUN / NET SURPLUS FOR THE YEAR		5,388,499	2,271,839

Penyata Prestasi Kewangan di atas hendaklah dibaca bersama-sama dengan nota kepada penyata kewangan yang berkenaan.
The above Statement of Financial Performance is to be read in conjunction with the notes to the financial statements.

SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG

PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH/EKUITI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

PENANG PORT COMMISSION

STATEMENT OF CHANGES IN NET ASSET/EQUITY FOR THE YEAR ENDED 31 DECEMBER 2018

	LEBIHAN TERKUMPUL / *ACCUMULATED SURPLUSES*
	RM
Baki pada 1 Januari 2017 / *Balance at 1 January 2017*	
Seperti dinyatakan sebelumnya / *As previously reported*	172,939,182
Pelarasan tahun lalu (Nota 29) / *Prior year adjustment (Note 29)*	(615,898)
Seperti dinyatakan semula / *As restated*	172,323,284
Lebihan Bersih / *Net Surplus*	
Seperti dinyatakan sebelumnya / *As previously reported*	2,171,754
Pelarasan tahun lalu (Nota 29) / *Prior year adjustment (Note 29)*	100,085
Seperti dinyatakan semula / *As restated*	2,271,839
Baki pada 31 Disember 2017 / *Balance as at 31 December 2017*	174,595,123
Lebihan Bersih / *Net Surplus*	5,388,499
Baki pada 31 Disember 2018 / *Balance as at 31 December 2018*	179,983,622

Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti diatas hendaklah dibaca bersama-sama dengan nota kepada penyata kewangan yang berkenaan.
The above Statement of Changes in Net Asset/Equity is to be read in conjunction with the notes to the financial statements.